



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

JABATAN PERSURATAN MELAYU

PAWANG LEBAH: SATU KAJIAN KES
DI KAMPUNG TAPAK, BATU KIKIR, NEGERI SEMBILAN

oleh

HASBULLAH BIN ZAKARIA

Latihan Ilmiah ini telah diterima oleh Jabatan Persuratan Melayu untuk memenuhi
sebahagian daripada keperluan Ijazah Sarjanamuda Sastera (dengan kepujian)
pada sesi 1987/88.

Penyelia

21. 3. 1988

Tarikh

Ketua

Jabatan Persuratan Melayu

21. 3. 1988

Tarikh

**PAWANG LEBAH: SATU KAJIAN KES
DI KAMPUNG TAPAK, BATU KIKIR, NEGERI SEMBILAN**

Oleh

HASBULLAH BIN ZAKARIA

**LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA
DENGAN KEPUJIAN**

**JABATAN PERSURATAN MELAYU
FAKULTI SAINS KEMASYARAKATAN DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI, SELANGOR
1987/88**

PENGHARGAAN

Bi 's-mi 'Llāhi 'r-Rahmāni 'r-Rahīm

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang

Syukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan limpah kurniaNya penulis dapat menyiapkan latihan ilmiah ini sebagai salah satu syarat untuk mendapatkan Ijazah Sarjana Muda Sastera dengan Kepujian.

Pada kesempatan ini saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih saya kepada Dr. Amran Kasimin, pensyarah di Jabatan Persuratan Melayu kerana sudi menjadi penyelia kepada penulis sepanjang kajian ini dilakukan. Segala bimbingan, teguran dan tunjuk ajar dari beliau amatlah dihargai dan tidak akan saya lupakan.

Terima kasih juga diucapkan kepada pensyarah-pensyarah di Jabatan Persuratan Melayu yang telah bersusah payah menyumbangkan ilmu pengetahuan dan bimbingan sepanjang pengajian saya di sini. Rakaman terima kasih juga buat informan-informan yang sudi ditemubual dan melapangkan masa untuk tujuan kajian ini. Penghargaan ini juga saya sampaikan buat Kakak Hadidah yang telah sudi membantu saya menaipkan latihan ilmiah ini.

Doa restu dari ayahanda, bonda dan adik-adik menjadi pendorong utama kepada saya. Tidak lupa juga buat semua yang terlibat baik secara langsung ataupun tidak, terutama kepada rakan-rakan sekalian, saya hulurkan rasa keikhlasan dan terima kasih sekali lagi. Semoga jasa baik kalian akan mendapat ganjaran yang mulia dari Allah.

Mudah-mudahan penulisan ini dapat diabadikan demi untuk faedah bersama. Segala yang baik itu hanya milik Allah jua dan keburukan itu adalah kelemahan saya semata-mata.

Sekian. Wassalam.

HASBULLAH BIN ZAKARIA

Jabatan Persuratan Melayu

Universiti Kebangsaan Malaysia

43600 Bangi

SELANGOR DARUL EHSAN.

105A, Kampung Jerjak

Padang Lebar

72200 Batu Kikir

NEGERI SEMBILAN.

ABSTRAK

Latihan Ilmiah ini bertujuan untuk meneliti institusi pawang lebah di satu kawasan kajian yang telah dipilih. Kajian telah dilakukan terhadap peranan pawang lebah semasa mengambil madu. Di samping itu dimuatkan juga jampi yang digunakan semasa bekerja, gangguan-gangguan yang dialami serta beberapa pantang larang. Kajian mendapati pekerjaan mengambil madu lebah merupakan pekerjaan yang rumit dan merbahaya. Tanpa pawang lebah pekerjaan ini tidak mungkin dapat dilakukan dengan selamat. Hasil dari kajian ini membuktikan bahawa peranan pawang lebah kurang diperlukan buat masa ini kerana kurangnya keperluan masyarakat terhadap kepakaran pawang lebah itu sendiri. Langkah-langkah perlu diambil supaya institusi ini tidak hilang begitu sahaja.

KANDUNGAN

	<u>Halaman</u>
PENGHARGAAN	i
ABSTRAK	iii
KANDUNGAN	iv
SENARAI FOTO	vi
SENARAI GAMBARAJAH	vii
SENARAI PETA	viii
 BAB I : PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Tujuan Kajian	6
1.2.1 Menghidupkan Kembali Warisan Budaya Melayu	6
1.2.2 Meneliti Peranan Pawang Lebah	6
1.2.3 Meneliti Peranan Jampi Mentera	7
1.2.4 Menurunkan Segala Bentuk Kegiatan Pawang Lebah Sebagai Bahan Bertulis	7
1.3 Skop Kajian	7
1.4 Metode Kajian	9
1.5 Masalah Kajian	10
1.5.1 Kekurangan Sumber Perpustakaan	10
1.5.2 Sikap Informan	11
1.5.3 Kesuntukan Masa	11
1.6 Kawasan Kajian	11
 BAB II : UNSUR-UNSUR UTAMA DALAM PERUBATAN TRADISIONAL MELAYU	
2.1 Pawang, Bomoh dan Dukun	18
2.2 Jampi Mentera dan Doa	20
2.3 Penciptaan Jampi Mentera dan Doa	22
2.4 Asal Usul Pawang Lebah	24
2.5 Kepercayaan Masyarakat Melayu Terhadap Pawang Lebah	26
2.6 Legenda Lebah	30
2.7 Khasiat Madu Lebah	31
2.8 Cara Mengenalpasti Ketulenan Madu Lebah	37

Halaman**BAB III : PAWANG LEBAH**

3.1	Latar Belakang Pawang Lebah Yang Ditemui	39
3.2	Cara Mengenalpasti Lebah	42
3.2.1	Jenis-jenis Lebah	42
3.2.2	Jenis-jenis Pokok Di Mana Lebah Membuat Sarang	43
3.2.3	Mengenalpasti Sarang Lebah	45
3.3	Masa Yang Sesuai Memungut Madu Lebah	48
3.4	Persediaan Sebelum Melakukan Pekerjaan	51
3.5	Cara Masuk Hutan	54
3.6	Peringkat dan Cara Pekerjaan	56

BAB IV : PENGGUNAAN JAMPI UNTUK MENGAMBIL MADU LEBAH

4.1	Jampi Yang Digunakan Pada Setiap Peringkat Pekerjaan	68
4.2	Analisa Jampi Yang Digunakan	81
4.3	Gangguan Ketika Menjalankan Tugas	86
4.4	Jampi Yang Dilagukan	91
4.5	Tujuan Jampi Dilagukan	92
4.6	Keberkesanan Penggunaan Jampi	94

BAB V : PENUTUP

5.1	Masa Depan Pawang Lebah	97
5.2	Kesimpulan	102

BIBLIOGRAFI	105
--------------------	-----

LAMPIRAN I	107
-------------------	-----

SENARAI FOTO

<u>FOTO</u>		<u>Halaman</u>
I	Encik Wahab bin Ma'akib seorang pawang lebah di kawasan kajian	40
II	Pokok pulai yang mempunyai 54 sarang lebah	45
III	Sarang lebah	47
IV	Sarang Lebah	47
V	Biji bunga kembang semangkuk sebelum kembang	49

SENARAI GAMBARAJAH

<u>GAMBARAJAH</u>	<u>Halaman</u>
I Bentuk ketajaman kayu pating	52
II Kayu siring	57
III Kayu pating yang telah dipasak	59

SENARAI PETA

<u>PETA</u>		<u>Halaman</u>
I	Semenanjung Malaysia dan Kedudukan Negeri Sembilan	13
II	Tujuh Daerah Di Negeri Sembilan Kawasan Kajian Terletak Di Daerah Kuala Pilah	14
III	Daerah Kuala Pilah Dengan II Mukim Kawasan Kajian Terletak Di Mukim Ulu Jempol	15
IV	Kedudukan Kawasan Kajian Kampung Tapak	16
V	Kampung Tapak Di Ulu Jempol	17

BAB V

PENUTUP

PENUTUP

5.1 Masa Depan Pawang Lebah

Institusi pawang lebah yang merupakan satu warisan tradisi orang-orang Melayu telah semakin dilupakan pada hari ini. Kegiatan mengambil madu lebah pada masa ini jauh berbeza dengan zaman dahulu di mana kegiatan ini begitu kerap dilakukan. Ini adalah kerana pada masa itu bilangan pawang lebah adalah ramai dan sarang lebah pula begitu mudah didapati. Pada zaman dahulu pawang lebah mempunyai kedudukan yang tinggi di dalam masyarakat Melayu kerana dari merekalah sumber madu diperolehi, disamping menghormati ketinggian ilmu yang dimiliki.

Pekerjaan mengambil madu mempunyai ciri-ciri yang tersendiri yang membezakannya daripada pekerjaan-pekerjaan lain yang turut menggunakan pawang. Ciri utamanya ialah penggunaan jampi yang berbentuk pantun dan kemudiannya disandoikan ketika menjalankan kerja. Sandoi yang digunakan inilah yang berjaya menarik perhatian orang ramai untuk menyaksikan pekerjaan ini.

Sekiranya orang kampung tahu bahawa terdapat orang mengambil madu di tempat-tempat yang berhampiran, mereka akan datang untuk menyaksikannya. Pada masa dahulu pekerjaan ini berjaya menarik perhatian anak-anak muda sehingga ada yang sanggup menjadi pembantu

kepada pawang lebah. Golongan inilah juga yang akhirnya telah mengambilalih tempat pawang lebah yang telah semakin meningkat usianya. Perkara yang menarik sekali ialah pekerjaan ini turut menarik perhatian golongan atasan. Pada tahun 1928 umpamanya, bertempat di Juasseh, Kuala Pilah, Yang Dipertuan Besar ketika itu telah turut datang menyaksikan sendiri bagaimana pekerjaan ini dilakukan.

Selain daripada itu khasiat madu lebah yang tinggi turut menguatkan kepercayaan orang-orang Melayu ketika itu terhadap peranan yang dimainkan oleh pawang lebah. Madu lebah mempunyai khasiat yang tinggi untuk keperluan perubatan. Madu bukan sahaja digunakan untuk perubatan tradisional, tetapi juga turut memberikan sumbangan yang agak besar juga di dalam perubatan moden. Penyelidikan-penyelidikan secara saintifik yang telah dilakukan membuktikan bahawa madu lebah boleh mengubati beberapa jenis penyakit seperti luka-luka pada kulit, ulser, penyakit yang berkaitan dengan saraf dan sebagainya.

Walau bagaimanapun kepentingan dan kepercayaan orang ramai terhadap pawang lebah masa kini semakin berkurangan. Generasi kini bukan sahaja tidak mengambil berat tentang peranan yang dimainkan oleh pawang lebah, malahan lebih daripada itu ada juga di kalangan mereka yang tidak mengetahui langsung tentang kewujudan institusi pawang lebah ini. Terdapat banyak faktor yang menyebabkan terjadinya demikian. Di antaranya termasuklah pengaruh dari Barat yang begitu meluas di masa ini. Ianya telah memberikan satu bentuk pemikiran baru terutamanya di kalangan generasi muda yang akhirnya secara perlahan-lahan telah mengakibatkan mereka lupa kepada sebahagian besar daripada cara kehidupan tradisional Melayu termasuk institusi pawang lebah.

Walaupun institusi pawang lebah masih wujud, terutamanya di kawasan-kawasan pedalaman, tetapi bilangannya adalah terlalu sedikit. Kewujudan mereka pun adalah disebabkan tugas mereka yang masih diperlukan untuk sekali sekala sahaja. Ini adalah kerana tidak ada golongan muda yang sanggup meneruskan kesinambungan pekerjaan ini dari generasi sebelumnya. Oleh itu golongan tua yang ada sekarang ini terpaksa terus melakukannya, kerana tidak ada lagi pewaris ilmu tersebut. Oleh kerana tiada tindakan untuk mengekalkan dan memperkembangkan institusi ini, ia telah memalapkan lagi masa depan pawang lebah.

Faktor lain yang menyebabkan masa depan pawang lebah semakin dilupakan ialah anggapan terutamanya di kalangan anak-anak muda bahawa ilmu pawang ini kurang penting, dibandingkan dengan ilmu-ilmu lain. Generasi muda kini lebih tertarik dengan ilmu moden yang kebanyakannya berasal dari Barat. Mereka menganggap ilmu yang berkaitan dengan pawang juga bomoh adalah ilmu karut dan tidak sesuai lagi diamalkan pada masa ini. Anggapan seperti ini menyebabkan mereka tidak berminat untuk mempelajarinya. Ini menyebabkan berkurangnya bilangan orang yang sanggup meneruskan usaha-usaha pawang lebah sebelumnya.

Dunia hari ini yang telah mementingkan keuntungan turut memalapkan lagi masa depan pawang lebah. Ini adalah kerana pekerjaan ini tidak menjamin pendapatan yang lumayan. Sungguhpun harga madu dijual dengan tinggi pada pandangan orang ramai, namun pada pihak pawang lebah sendiri menganggap harga yang dijual itu tidak setimpal dengan risiko yang mereka tanggung semasa bekerja. Ini menyebabkan mereka yang ingin melibatkan diri dengan pekerjaan ini terpaksa

melupakan sahaja niat tersebut. Ramai di antara anak-anak pawang lebah yang tidak mahu mewarisi ilmu pawang ini dari orang tua mereka.

Satu lagi faktor yang mungkin menyebabkan kemalapan institusi pawang lebah ini adalah berkaitan dengan nature ilmu itu sendiri. Ilmu tersebut mempunyai pantang larang tertentu yang mesti dipatuhi serta peraturan yang begitu mengikat. Ini menyebabkan mereka yang ingin mempelajarinya terpaksa melupakan sahaja niat mereka kerana tidak sanggup menghadapi syarat-syarat dan dugaan semasa menuntut. Mungkin ada di antara mereka yang sanggup terus menuntut tetapi tidak semuanya boleh mengamalkannya hingga akhir. Ini mungkin disebabkan ketidaksanggupan mereka untuk mematuhi segala syarat dan pantang larang yang dikenakan sepanjang pengajian. Gejala-gejala ini semuanya mematahkan semangat mereka yang ingin menuntut. Ini sedikit sebanyak telah menjejaskan masa depan institusi pawang lebah itu sendiri.

Masalah besar yang dihadapi oleh mereka yang terlibat dengan mencari madu ini ialah pembukaan kawasan-kawasan hutan yang dilakukan secara besar-besaran. Pembukaan kawasan-kawasan ini telah menyebabkan sarang lebah sukar diperolehi. Ia juga memusnahkan bunga-bunga yang menjadi sumber manisan lebah. Ini menyebabkan lebah bersarang jauh di dalam hutan tebal untuk mengelakkan gangguan-gangguan. Faktor ini menyukarkan pencari-pencari madu lebah untuk mengesan sarang-sarang lebah dan juga menyebabkan peranan yang seharusnya dimainkan oleh mereka menjadi kurang dan mungkin tidak diperlukan lagi pada satu ketika nanti.

Perkembangan industri penternakan lebah secara moden pada hari ini turut menjejaskan peranan yang dimainkan oleh pawang lebah. Penternakan lebah moden baru sahaja diperkenalkan di negara ini dan ia telah mengalami perkembangan yang begitu pesat. Jumlah mereka yang terlibat di dalam usaha ini semakin bertambah dari masa ke semasa. Ini adalah kerana penternakan tersebut mendapat galakan dari kerajaan. Kerajaan telah menyediakan berbagai-bagai insentif kepada orang ramai yang ingin mengusahakan penternakan lebah. Di antaranya termasuklah kemudahan kewangan, peralatan, nasihat dan tunjuk ajar di samping penyelidikan yang dilakukan oleh badan-badan seperti MARDI dan bahagian penyelidikan Universiti Pertanian Malaysia untuk memperbanyakkan hasil madu lebah.

Penternakan madu lebah juga boleh menjamin hasil yang tetap dan mereka yang terlibat tidak perlu keluar masuk hutan mencari sarang lebah. Oleh kerana pekerjaan ini dilakukan di dalam satu kawasan yang telah disediakan khas, maka ia tidak terdedah kepada berbagai bahaya sebagaimana yang dihadapi oleh pawang lebah dan anak-anak dayung. Keselamatan di dalam penternakan madu lebah adalah lebih terjamin kerana mereka yang terlibat tidak perlu memanjat pokok. Mereka hanya perlu menyediakan sarang lebah yang dibuat dalam kotak-kotak dan diletakkan di satu kawasan lapang. Pakaian khas disediakan semasa hendak mengambil madu. Penternakan secara moderi ini lebih menjimatkan masa dan madu yang diperolehi juga bermutu tinggi.

Alasan-alasan di atas telah menyebabkan peranan yang diberikan oleh pawang lebah semakin berkurangan. Kemungkinan besar institusi pawang lebah ini akan pupus sama sekali pada satu ketika nanti sekiranya tidak ada langkah-langkah wajar diambil oleh pihak-pihak yang tertentu.

5.2 Kesimpulan

Institusi pawang lebah merupakan warisan tradisi Melayu yang perlu dikekalkan walaupun pengaruh pemodenan begitu berleluasa buat masa kini, yang menyebabkan pawang lebah dilupakan begitu sahaja. Pada zaman Melayu tradisi pawang lebah turut memberikan sumbangan kepada masyarakat Melayu.

Pawang lebah pada masa itu merupakan orang yang mempunyai kedudukan yang tinggi di dalam masyarakat. Pawang lebah merupakan tempat orang-orang kampung mendapat madu. Ia boleh digunakan untuk tujuan perubatan kerana khasiatnya sangat tinggi. Orang-orang kampung tidak membeli madu lebah dari kedai-kedai kerana mereka lebih mempercayai khasiat madu yang diambil dari hutan.

Masyarakat Melayu ketika itu adalah masyarakat yang tertutup. Ini adalah kerana kurangnya kemudahan-kemudahan tertentu seperti tiada pengangkutan dan teknologi, khususnya yang berkaitan dengan kegiatan pertanian. Pendek kata mereka tidak terdedah kepada unsur-unsur pemodenan dari bandar. Untuk tujuan perubatan mereka tidak pergi mendapatkan rawatan dari klinik-klinik kerajaan. Sebaliknya mereka lebih suka berjumpa dengan pawang atau bomoh yang boleh ditemui dengan mudah di kampung-kampung. Kepercayaan mereka terhadap cara perubatan tradisional masih kuat. Ubat-ubatan tradisi masih lagi menjadi pilihan utama termasuklah penggunaan madu lebah sebagai salah satu bahan ramuan di dalam rawatan tersebut. Walau bagaimanapun penggunaan madu lebah untuk tujuan perubatan pada hari ini semakin berkurangan. Dengan demikian secara tidak langsung ia telah menyebabkan peranan pawang lebah tidak diperlukan lagi.

Oleh kerana itu pihak-pihak yang tertentu perlu mengambil tindakan segera untuk menyelamatkan institusi pawang lebah ini dari menjadi pupus. Sekiranya pihak yang berkuasa boleh menyediakan satu tempat yang khas untuk bomoh perubatan tradisional menjalankan kegiatan mereka kepada orang ramai, perkara yang sama dirasakan boleh dilakukan terhadap pawang lebah walaupun caranya agak berlainan.

Sebagai contohnya pihak yang berkuasa boleh memberikan pendedahan tentang peranan pawang lebah ini kepada orang ramai terutamanya mereka yang tinggal di kawasan bandar yang kebanyakan daripada mereka tidak mengetahui tentang kewujudan pawang lebah. Caranya ialah dengan menyiarkan dan seterusnya memberikan penerangan tentang pawang lebah melalui media massa hari ini. Contohnya ialah dengan merakamkan bagaimana pekerjaan mengambil madu ini dilakukan dan seterusnya disiarkan di dalam televisyen, majalah-majalah dan akhbar-akhbar. Pendedahan seumpama ini sangat kurang dilakukan dan ini menyukarkan penyelidik-penyelidik yang ingin membuat kajian terhadap pawang lebah. Pendedahan melalui cara ini tentunya akan menarik perhatian mereka yang tidak pernah melihatnya. Bagi mereka yang ingin mengetahui dengan lebih lanjut lagi, ini akan mendorong mereka untuk pergi sendiri ke kawasan pendalaman dan melihat sendiri bagaimana pekerjaan ini dilakukan.

Untuk tujuan ini, usaha awal telah dilakukan oleh pihak TV3 yang telah mengambil inisiatif dengan menyiarkan satu rancangan berkenaan pekerjaan mengambil madu lebah dan peranan seorang pawang lebah. Walaupun rancangan ini hanya mengambil masa yang sedikit namun inisiatif pendedahan tersebut kepada orang ramai telah dimulakan. Ini adalah penting.

Selain daripada TV3, pihak akhbar, seperti Berita Harian umpamanya telah menyiarkan satu rencana berkenaan dengan pekerjaan mengambil madu lebah yang dilakukan di tengah belantara. Pujian harus diberikan kepada pihak yang berkenaan, yang sedikit sebanyak telah menyedarkan generasi hari ini tentang kewujudan institusi pawang lebah. Adalah diharapkan rancangan-rancangan seperti ini tidak berakhir takat ini sahaja dan tindakan susulan perlu diambil.

Bagi pihak pawang lebah sendiri, mereka perlu menyedarkan golongan muda di kampung-kampung supaya meneruskan pekerjaan mengambil madu ini. Hanya golongan muda inilah yang akan dapat menyelamatkan institusi pawang lebah dari terkubur begitu sahaja. Pawang lebah yang begitu kecil bilangannya hari ini hendaklah juga mengubah sikap mereka. Ini adalah kerana mungkin terdapat di kalangan mereka yang tidak mahu menurunkan ilmu tersebut kepada orang lain walaupun kepada anak mereka sendiri. Sikap seperti ini hanya akan mempercepatkan lagi terkuburnya institusi pawang lebah.

Perwarisan ilmu ini sangat penting kerana pawang lebah yang ada kini kebanyakannya telah tua dan tidak berupaya lagi untuk mengambil madu. Sekiranya ilmu ini tidak diperturunkan, kemungkinan ia akan terlambat dan ilmu ini akan terus terkubur bersama pawang tadi. Oleh kerana itu, perubahan sikap di kalangan pawang lebah adalah perlu. Saranan-saranan yang terdahulu adalah patut dilakukan untuk menjamin agar institusi ini wujud berterusan sebagai warisan tradisi orang-orang Melayu.

BIBLIOGRAFI

BIBLIOGRAFI

BUKU

- A. Samad Ahmad. Warisan Perubatan Melayu.
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1983.
- Chen, Paul C.Y., "Perubatan Bumiputera Tradisional di Malaysia,"
dalam Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu. (Bahagian III)
Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, 1967.
- Gimlette, John D. Malay Poisons And Charm Cures.
Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1971.
- Ioyrish, Naum. Bees And People. Moscow: Mir Publisher, 1977.
- Mohd. Taib Osman. Bunga Rampai: Aspects of Malay Culture.
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1984.
- _____. Indigenous, Hindu And Islamic Elements In Malay Folk Beliefs. Michigan: University Microfilm, 1967.
- Skeat, William W. Malay Magic Being An Introduction to The Folklore and Popular Religion of The Malay Peninsula. New York: Dover Publication, 1967.
- Teuku Iskandar. Kamus Dewan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1970.
- W.J.S. Poewadarminta. Kamus Umum Bahasa Indonesia. Djakarta: Balai Pustaka, 1961.

JURNAL

- Amran Kasimin. "Ilham: Satu Aspek Perubatan Melayu Tradisional."
Jurnal Budaya Melayu. Jilid 5. Jabatan Persuratan Melayu,
Universiti Kebangsaan Malaysia, 1982, hlm. 131-157.

Dussek, O.T. "BERSANDUI: Verses Recited By Collectors of Honey In Rembau." Journal of Malayan Branch of Royal Asiatic Society. Vol. VI, Pt. IV, 1928, hlm. 56-57.

MAJALAH

Abdul Rahman Ali. "Benarkah Bomoh Mempunyai Status Yang Tinggi Dalam Kepercayaan Melayu." Sarina, (November 1978), hlm. 81-87.

"Madu: Jika Anda Rasakan Sebotol Harganya Terlalu Mahal, Cubalah Ikuti Jejak-jejak Pencari Madu Ini." Lelaki, (Mei 1982), hlm. 60-61.

Zainal Abdullah Mk. Othman. "Bahasa Dalam Jampi dan Sastera Melayu." Dewan Bahasa, (Ogos 1975), hlm. 533-544.

UMUM

Abdul Aziz Desa. "Mencari Madu Lebah Ditengah Belantara." Perspektif Berita Minggu, (15 November 1987).

LAMPIRAN I

MAKLUMAT PERIBADI INFORMAN

1. Nama : Encik Wahab bin Ma'akib
 Umur : 70 tahun
 Pekerjaan : Pawang Lebah, Dukun Patah, Petani
 Alamat : Kampung Tapak
 72200 Batu Kikir
 Negeri Sembilan.

2. Nama : Encik Yahya bin Long
 Umur : 52 tahun
 Pekerjaan : Pawang Lebah, Petani
 Alamat : Batu 15,
 Jalan Seremban
 71500 Pejabat Pos Tanjung Ipoh
 Negeri Sembilan.

3. Nama : Encik Yazid bin Othman
 Umur : 45 tahun
 Pekerjaan : Pawang Lebah, Peniaga
 Alamat : Kampung Chemomoi
 28300 Triang
 Pahang Darulmakmur.